

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 22/11/2007

Malaysia sokong usaha damai PBB di Myanmar

UM-22/11/2007

SINGAPURA 21 Nov. - Malaysia menghormati pendirian Myanmar yang tidak mahu campur tangan asing dalam menyelesaikan masalah dalamannya tetapi pada masa yang sama menyokong usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mencari perdamaian di negara itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (**gambar**) berkata, Malaysia telah menemui Penasihat Khas Setiausaha Agung PBB, Ibrahim Gambari semalam bagi mendapatkan pendapat gambaran tentang peranan yang dimainkan oleh wakil badan dunia itu.

"Kita (Malaysia) akan terus berhubung dengan Gambari dan kami juga menghormati permintaan Myanmar," katanya ketika Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) ditangguhkan untuk makan tengah hari di sini hari ini.

Menurut Syed Hamid, Gambari memberitahunya bahawa walaupun terdapat kemajuan bagi menyelesaikan masalah di Myanmar, namun masih banyak yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat itu.

Bagaimanapun, tambah beliau, Gam-



bari yakin Myanmar akan bekerjasama dengannya bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara itu bagi melancarkan tugas beliau.

"Beliau juga telah mengadakan pertemuan dengan pihak Myanmar semalam," jelasnya.

Malaysia telah menemui Penasihat Khas Setiausaha Agung PBB, Ibrahim Gambari semalam bagi mendapatkan pendapat gambaran tentang peranan yang dimainkan oleh wakil badan dunia itu

SYED HAMID ALBAR
Menteri Luar

Menyentuh pertemuan beliau dengan Gambari, Syed Hamid berkata, ia merupakan satu yang produktif berkisar tentang apa yang telah dilakukan di Myanmar dan pandangannya terhadap peranan ASEAN bagi menyelesaikan perkara itu.

Syed Hamid berkata, Gambari tidak melihat beliau menemui kegagalan apabila para pemimpin ASEAN sepakat membatalkan hasrat memberi taklimat kepada para pemimpin EAS.

Pada Isnin lalu, ketua kerajaan ASEAN bersetuju dengan permintaan Perdana Menteri Myanmar, Thein Sein untuk tidak membenarkan sesi taklimat oleh

Gambari itu atas alasan wakil khas PBB itu hanya perlu melaporkan hasil kerjanya kepada Majlis Keselamatan PBB dan bukannya kepada ASEAN mahupun EAS.

Tambah beliau, pertemuan yang diminta oleh Malaysia untuk menemui Gambari telah membolehkan kedua-dua belah pihak membincangkan peranan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh ASEAN.

Menurutnya, walaupun Malaysia tidak memainkan peranan rasmi dalam isu Myanmar namun Gambari sentiasa berunding dengan negara anggota ASEAN bagi mendapatkan pandangan negara di rantau ini.